



AL-HAFIZ AL-ZARKASYI DAN KITABNYA AL-NUKAT 'ALA MUQADDIMAH IBN AL-SALAH

Zulhilmi Mohamed Nor, Ahmad Sanusi Azmi

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Introduction to the Science of Hadith is one of the masterpieces works produced by a prominent scholar of hadith, Ibn al-Salah al-Shahrazuri. This work is considered as a major source in the study of hadith terminology and its sciences. Due to its importance, a number of works have been authored based upon or derived from the content conferred in Muqaddimah of Ibn Salah. Al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkashi was among them. He composed a specific explanation on Ibn Salah's Muqaddimah entitled al-Nukat 'Ala Muqaddimah Ibn al-Salah. This study aims to expound the intellectual background of al-Zarkashi, and explore his academic enterprise in elucidating Ibn Salah's notion through his work al-Nukat. It also seeks to scrutinise al-Zarkashi's unique methods and approaches in understanding the sciences of hadith.

Kata Kunci : al-Hafiz al-Zarkasyi, al-Nukat 'Ala Muqaddimah Ibn al-Salah, mustalah al-Hadith.

Article Progress

Received: 10 Mac 2019

Revised: 21 May 2019

Accepted: 1 June 2019

*Corresponding Author:
Zulhilmi Mohamed Nor,
Fakulti Pengajian Quran dan
Sunnah, USIM
Email: zulhilmi@usim.edu.my

1.0 PENDAHULUAN

Ilmu Mustalah al-Hadith memperlihatkan perkembangannya sejak ia dibukukan secara bersendirian bermula di zaman al-Imam al-Hafiz Abu Muhammad al-Hasan bin 'Abd al-Rahman bin Khallad al-Ramaharmuzi (w 360H) dengan kitabnya yang terkenal *al-Muhaddith al-Fasil Bayna al-Rawi Wa al-Wa'i*. Kemudian al-Imam al-Qadhi 'Iyadh al-Yahsubi (w 544H) dengan kitabnya *al-Ilma' Fi Usul al-Riwayah Wa al-Sima'* dan seterusnya hinggalah di zaman al-Imam al-Hafiz Ibn al-Salah 'Uthman b. 'Abd. al-Rahman b. 'Uthman al-Kurdy al-Shahrazury dengan karyanya *Muqaddimah Ibn al-Salah*. Kitab ini dikenali di kalangan pencinta-pencinta ilmu hadis terutamanya di zaman mutakhir ini dengan nama: *Muqaddimah Ibn Al-Salah*. Ulama terdahulu di dalam karya-karya mereka ada menyebut tentang *Kitab Ibn Al-Salah* ini. Terutamanya kitab yang menjadikan Kitab Ibn Al-Salah sebagai asas kepada karya mereka. Kebanyakan mereka menggunakan nama Kitab '*Ulum al-Hadith*'. Kitab ini telah mendapat khidmat yang amat besar daripada ulama yang datang selepasnya. Di antara kitab-kitab yang menyumbang ke arah perkembangan kitab ini adalah seperti berikut :

Kitab-kitab yang meringkaskan kitab *Muqaddimah Ibn al-Salah*:

- i. *Irsyad Tullab al-Haqaiq ila al-Sunan Khair al-Khalaiq* oleh al-Imam al-Nawawi yang meringkaskan kitab *Muqaddimah Ibn al-Salah*, kemudian diringkaskan lagi dan dinamakan *al-Taqrīb*. Kitab ini sudah diterbitkan.
- ii. *Al-Iqtirah fi Bayan al-Istilah* oleh Ibn Daqiq al-'Eid dan diringkaskan oleh al-Dhahabi di dalam kitabnya *al-Muqizah fi 'Ilm Mustalah al-Hadith*. Sudah diterbitkan.

¹ Zulhilmi Mohamed Nor, (2016), *Metodologi Al-Hafiz Ibn Al-Salah Dalam Permasalahan Pentashihan Hadis Dan Fenomena Pentashihan Pada Masa Kini*, Journal of Hadith Studies, (December 2016), Nilai: Ulum al-Hadith Research Centre, hlmn: 22.

- iii. *Al-Manhal al-Rawi fi Mukhtasar 'Ulum al Hadith al-Nabawi* oleh Badr al-Din Ibn Jama'ah. Kitab ini sudah diterbitkan.
- iv. *Ikhtisar 'Ulum al-Hadith* oleh Ibn Kathir. Kitab ini sudah diterbitkan dengan kupasan Ahmad Syakir dan dinamakan *al-Ba'ith al-Hathith*.
- v. *Al-Muqni' fi 'Ulum al-Hadith* oleh Ibn al-Mulaqqin. Kitab ini sudah diterbitkan.

Kitab-kitab yang mensyarahkan dan mengulas kitab *Muqaddimah Ibn al-Salah* :

- vi. *Mahasin al-Istilah wa Tadmin Kitab Ibn al-Salah* oleh al-Bulqini. Kitab ini sudah diterbitkan dengan tahqiq Dr 'Aisyah bt Shati'.
- vii. *Al-Taqyid wa al-Idah li ma Utliqa wa Ughliqa min Muqaddimah Ibn al-Salah* oleh al-'Iraqi. Kitab ini sudah diterbitkan.
- viii. *Al-Nukat 'ala Muqaddimah Ibn al-Salah* oleh al-Zarkasyi. Sudah diterbitkan.
- ix. *Al-Nukat 'ala Kitab Ibn al-Salah* oleh Ibn Hajar. Sudah diterbitkan.

Kitab-kitab yang menjadikannya dalam bait-bait syair

- x. *Alfiyyah al-'Iraqi* yang dinamakan *al-Tabsirah wa al-Tadhkirah*. Bait-bait syair ini telah disyarahkan oleh pengarangnya sendiri dan dinamakan *Sharh al-Tabsirah wa al-Tadhkirah*. Ia juga disyarahkan oleh al-Sakhawi di dalam kitabnya *Fath al-Mughith bi Sharh al-Alfiyyah* dan oleh Zakariyya al-Ansari di dalam kitabnya *Fath al-Baqi 'Ala Alfiyyah al-'Iraqi*. Kedua-dua kitab ini sudah diterbitkan.
- xi. *Alfiyyah al-Suyuti* yang dinamakan *Nuzum al-Durar fi 'Ilm al-Athar* yang turut disyarahkan oleh penyusunnya sendiri dengan nama *al-Bahr al-Ladhi Zakhar fi Sharh Alfiyyah al-Athar* dan disyarahkan juga oleh Mahfuz al-Turmusi di dalam kitabnya *Manhaj Dhawi al-Nazar fi Sharh Manzumah al-Athar* serta *Sharh Sheikh Ahmad Syakir*. Ketiga-tiganya sudah diterbitkan².

Salah seorang ulama yang turut memberikan kupasan dan komentar ilmiahnya terhadap kitab ini adalah al-Hafiz al-Zarkasyi dengan kitabnya *al-Nukat 'Ala Muqaddimah Ibn al-Salah*. Artikel ini akan mengupas kehidupan dan kitabnya secara lebih mendalam.

² Zulhilmi Mohamed Nor, (2007), *Perbandingan Ulasan Antara Al-Hafiz Ibn Hajar Al-'Asqalani Dan Al-Hafiz Badr Al-Din Al-Zarkasyi Terhadap Bab Al-Sahih Dalam Kitab Muqaddimah Ibn Al-Salah*, tesis Master Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlmn: 55.

2.0 LATARBELAKANG KEHIDUPAN AL-HAFIZ BADR AL-DIN AL-ZARKASYI

Nama Penuh Al-Hafiz Al-Zarkasyi

Beliau ialah al-Sheikh al-‘Alim al-‘Allamah Badr al-Din Abu ‘Abd Allah Muhammad b. Jamal al-Din ‘Abd Allah³ b. Bahadar⁴ al-Misri al-Zarkasyi⁵ al-Faqih al-Syafe’i al-Minhaji.^{6,7}

Kelahiran, Keluarga Dan Zaman Kemunculan

Al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi dilahirkan pada tahun 745 Hijrah bersamaan dengan 1344 Masihi⁸. Dilahirkan di Mesir. Beliau berketurunan Turki dan menetap di Mesir⁹. Amat kurang ulama yang membicarakan tentang keluarga al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi, mereka hanya mengatakan bahawa beliau dibesarkan di dalam keluarga yang miskin. Bapanya merupakan pekerja kepada beberapa orang pembesar di zamannya. Disebabkan kemiskinan, al-Hafiz al-

³ Ulama berbeza pendapat pada nama sebenar bapanya. Pendapat yang pertama adalah ‘Abd Allah yang dinyatakan oleh al-Hafiz Ibn Hajar di dalam kitab *Inba’ al-Ghamr* (3/138) dan *al-Durar al-Kaminah* (3/397), Ibn Qadi Shahbah di dalam *Tabaqat al-Shafe’iyyah* (3/227) dan Ibn al-‘Imad di dalam kitab *Shadharat al-Dhahab* (7/85). Pendapat kedua ialah Bahadar yang dinyatakan oleh Ibn Tagharri Bardi di dalam kitab *al-Nujum al-Zahirah* (12/134), al-Jawhari di dalam kitab *Nuzhah al-Nufus* (1/354) dan al-Dawudi di dalam kitab *Tabaqat al-Mufassirin* (2/157). Penulis cenderung memilih ‘Abd Allah berdasarkan kata-kata anaknya di dalam kitab *al-Ijabah Li Irad ma Istadrakathu ‘Aishah ‘ala al-Sahabah* (1970) oleh al-Zarkasyi, pentahqiq: Sa’id al-Afghani, c.2, al-Maktab al-Islami, hlmn. 175.: “Aku mendengar keseluruhan kitab ini daripada penulisnya sheikhku dan bapaku Badr al-Din Abi ‘Abd Allah b. Jamal a-Din ‘Abd Allah yang lebih dikenali sebagai al-Zarkasyi...”

⁴ Bahadar adalah perkataan Parsi yang bermaksud pahlawan. Terdiri daripada perkataan “Baha” yang bermaksud bernilai dan “Dar” yang bermaksud seseorang yang mempunyai. Lihat Dr. Zain al-‘Abidin b. Muhammad Furaj (1998), *al-Zarkasyi wa Kitabuhu al-Nukat ‘Ala Muqaddimah Ibn al-Salah*, c.1, al-Riyad : Maktabah Adwa’ al-Salaf, hlmn. 78.

⁵ Al-Zarkasyi adalah perkataan yang bukan berasal daripada arab. Al-Zarkasyi dinisbahkan kepada seseorang yang membuat pakaian sutera dan disulam dengan emas. “Zar” bermaksud emas. “Kash” bermaksud yang mengandungi. Lihat Muhammad Murtada al-Zubaydi (1977), *Taj al-‘Urus min Jawahir al-Qamus*, tahqiq : Ibrahim al-Tarazi, j.17, Beirut : Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, hlmn. 235.

⁶ Digelar al-Minhaji kerana beliau telah menghafal kitab Minhaj al-Talibin karangan al-Imam al-Nawawi. Lihat : Abu al-Mahasin Yusuf b. Tagharri al-Atabaki (1971), *al-Nujum al-Zahirah fi Muluk Misr wa al-Qahirah*, tahqiq : Dr. Muhammad Mustafa Ziyadi, c. 1, j. 12, Khurtum : al-Haia’h al-Misriyyah al-‘Ammah, hlmn.134.

⁷ *Ibid.* Lihat juga nama penuh dan biodata beliau di alam kitab-kitab antaranya :

- Abu Bakr b. Muhammad Ibn Qadi Shahbah (1978), *Tabaqat al-Shafe’iyyah*, Tashih : Dr. ‘Abd al-‘Alim Khan, j.3, India : Matba’ah Da’irah al-Ma’arif al-Uthmaniyyah, hlmn. 227.
- Al-Hafiz Shihab al-Din Abu al-Fadl Ahmad b. ‘Ali Ibn Hajar (t.t), *Al-Durar al-Kaminah fi A’yan al-Miah al-Thaminah*, j.3, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-Arabi, hlmn. 397.
- Al-Hafiz Shihab al-Din Abu al-Fadl Ahmad b. ‘Ali Ibn Hajar (1967), *Inba’ al-Ghamr bi Abna’ al-‘Umr*, pentahqiq : Muhammad ‘Abd al-Mu’id Khabah, c.1, j.3, India : Haydar Abadi al-Dukan, hlmn. 138.
- Shams al-Din Muhammad b. ‘Ali al-Dawudi (2002), *Tabaqat al-Mufassirin*, c. 1, Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hlmn. 408.
- Abu al-Falah ‘Abd al-Hayy Ibn ‘Imad al-Hambali (1998), *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, pentahqiq : Mustafa ‘Abd al-Qadir ‘Ata’, j.7, c. 1, Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hlmn. 85.
- Khair al-Din al- Zirikli (1997), *al-A’lam Qamus Tarajum*, j.6, c. 12, Beirut : Dar ‘Ilm li al-Malayin. hlmn. 60.

⁸ Khair al-Din al- Zirikli (1997), *op. cit.*, J. 6, hlmn. 60.

⁹ Al-Hafiz Ibn Hajar (t.t), *op. cit.*, j.3, hlmn. 397.

Zarkasyi belajar cara menenun emas pada kain sutera sejak kecil lagi untuk membantu meringankan beban bapanya¹⁰. Begitulah keadaan al-Hafiz di dalam kemiskinan sehinggalah

beliau dewasa. Apabila telah dewasa beliau tidak lagi bekerja menenun kain sutera, tetapi menumpukan segala tenaga dan perhatiannya pada menuntut ilmu¹¹.

Zaman kemunculan al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi di zaman pemerintahan kesultanan al-Mamalik, zaman kecemerlangan ilmu dan pengetahuan. Dibuka majlis-majlis ilmu dengan banyaknya. Penuntut ilmu dan ulama digalakkan untuk menambahkan lagi ilmu mereka. Walaupun al-Mamalik tidak berketurunan Arab, tetapi mereka meninggalkan kesan yang amat besar di dalam perkembangan ilmu pengetahuan. Pemerintah serta pemimpin-pemimpin turut serta di dalam mengembangkan lagi kecemerlangan ilmu. Ada di kalangan mereka yang mahir di dalam bidang sejarah, fiqh, hadis, bahasa Arab, bahkan turut mengajar kepada masyarakat umum¹².

Perkembangan ilmu di dalam pelbagai bidang amat jelas di zaman ini, Kurun Kelapan Hijrah. Daripada ilmu agama sehinggalah kepada ilmu kesusasteraan dan sejarah, ilmu-ilmu teori dan praktikal. *Halaqah-halaqah*¹³ ilmu serta majlis-majlis ilmu banyak dijalankan terutamanya di masjid¹⁴. Di zaman inilah munculnya ulama besar Islam seumpama Sheikh al-Islam Ibn Taymiyyah (w 728H), Abu al-Hajaj al-Mizzi (w 742H), al-Hafiz al-Dhahabi (w 748H), Taqi' al-Din al-Subki (w 756H), al-Hafiz Mughlatay (w 762H), al-Hafiz Ibn Kathir (w 773H) dan ramai lagi ulama besar Islam.

Perkembangan zaman memberikan kesan yang mendalam kepada al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi untuk turut serta menyumbang dalam kemajuan ilmu dipelbagai disiplin ilmu agama. Beliau menuntut ilmu daripada ulama besar di zamannya mengikut pengkhususan yang tertentu seperti ilmu hadis daripada al-Hafiz Mughlatay, tafsir daripada al-Hafiz Ibn Kathir, nahu daripada Ibn Hisham dan sebagainya¹⁵.

Pengembaraan Menuntut Ilmu

Al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi menuntut ilmu sejak kecil lagi. Beliau telah mula menghafal banyak kitab dan menumpukan sepenuh perhatiannya terhadap ilmu. Di antaranya kitab *Minhaj al-Talibin fi Furu' al-Shafe'iyah* oleh al-Imam Nawawi sehingga beliau digelar al-Minhaji¹⁶. Dikatakan bahawa jika beliau pergi ke kedai buku, al-Hafiz tidak membeli sebuah kitab pun, beliau hanya membaca dan menyelak helaian kitab tersebut serta mencatat apa yang dirasakan perlu. Perkara ini disebabkan oleh kehidupan al-Hafiz yang serba miskin¹⁷.

Al-Hafiz al-Zarkasyi memulakan pengembaraan menuntut ilmu di negeranya sendiri, Mesir, berguru dengan ulama besar di tempatnya seumpama Jamal al-Din al-Isnawi dan al-Bulqini. Kemudian ke Halb berguru dengan al-Shihab al-Adhra'i, mengembara ke Dimashq pada tahun 752H berguru dengan al-Salah b. 'Umar, Ibn. Amilah dan ramai lagi¹⁸.

¹⁰ Dr. Zain al-'Abidin b. Muhammad Furaj (1998), *op. cit.*, hlmn. 79.

¹¹ Al-Hafiz Ibn Hajar (t.t), *op. cit.*, j. 3, hlmn. 397.

¹² 'Isma'il b. Kathir Abu al-Fida' (2001), *al-Bidayah wa al-Nihayah*, pentahqiq: 'Abd al-Rahman dan Muhammad Ghazi Baidun, j. 14, c. 6, Beirut : Dar al-Ma'rifah, hlmn 218.

¹³ *Halaqah* ialah kumpulan-kumpulan kecil yang dibentuk untuk mendalami sesuatu ilmu.

¹⁴ 'Isma'il b. Kathir Abu al-Fida' (2001), *op. cit.*, j. 13, hlmn 136.

¹⁵ Dr. Zain al-'Abidin b. Muhammad Furaj (1998), *op. cit.*, hlmn. 80.

¹⁶ Abu al-Mahasin Yusuf b. Tagharri al-Atabaki (1971), *op. cit.*, j. 12, hlmn. 134.

¹⁷ Al-Hafiz Ibn Hajar (t.t), *op. cit.*, j. 3, hlmn. 397.

¹⁸ Shams al-Din Muhammad al-Dawudi (2002), *op. cit.*, hlmn. 408.

Pengembaraannya tidak dinyatakan secara luas oleh ulama yang menulis berkenaan riwayat hidupnya. Pada pandangan penulis, Mesir, Dimashq serta bumi Hijaz adalah tempat-tempat yang pasti diterokai oleh ilmuan besar Islam. Pengembaraan Al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi yang

agak kurang jika dibandingkan dengan ulama di zamannya berkemungkinan disebabkan oleh situasi kehidupannya.

Berkata Shams al-Din al-Barmawi : “Beliau tidak melakukan apa-apa pekerjaan agar tidak disibukkan dan dibebankan daripada menuntut ilmu, beliau mempunyai ahli keluarga yang menyelesaikan dan menguruskan urusan berkaitan dunianya [perbelanjaan harian]”¹⁹.

Guru-Guru Al-Hafiz Al-Zarkasyi

Ketinggian dan ketokohan seorang ilmuan Islam juga boleh diukur melalui kehebatan dan kedudukan guru-guru dan murid-muridnya. Guru-guru akan memberikan kesan yang mendalam terhadap peribadi seseorang. Al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi juga tidak terkecuali berguru dengan ulama yang hebat pada zamannya. Di antara guru-guru beliau ialah :

1. Al-Hafiz al-‘Allamah ‘Ala’ al-Din Abu ‘Abd Allah Mughlatay b. Qalih b. ‘Abd Allah al-Hanafi (w 762H).²⁰
2. Al-Hafiz al-Muarrikh al-Mufasssir ‘Imad al-Din Abu al-Fida’ Isma’il b. ‘Umar b. Kathir al-Dimashqi (w 774H).²¹
3. Al-Hafiz Siraj al-Din Abu Hafs ‘Umar b. Raslan al-Bulqini (w 805H).²²
4. Jamal al-Din Abu Muhammad ‘Abd al-Rahim b. Al-Hasan b. ‘Ali al-Isnawi al-Shafe’i (w 772H).²³
5. Shihab al-Din Abu ‘Abbas Ahmad b. Hamdan al-Adhra’i al-Halabi al-Shafe’i (w 783H).²⁴
6. ‘Abd Allah Yusuf b. Ahmad al-Misri al-Mashhur bi Ibn Hisham, Jamal al-Din Abu Muhammad (w 761H).²⁵
7. Shihab al-Din Abu al-‘Abbas Ahmad b. Muhammad b. Jum’ah al-Ansari al-Hanbali al-Shafe’i. (w 774H)²⁶. Dan ramai lagi.

Murid-Murid Al-Hafiz Al-Zarkasyi

Pengembaraan menuntut ilmu merupakan sunnah para ulama di zaman tersebut. Ia amat dititik beratkan oleh seluruh pencinta ilmu. Mereka akan mengembara mencari tokoh-tokoh ilmuan untuk mendapatkan seberapa banyak ilmu. Begitu juga al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi yang turut didatangi oleh murid-murid dari segenap pelusuk negara Islam di zamannya. Di antara murid-murid al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi ialah:

1. Ibrahim b. ‘Abd al-Rahman b. Ahmad b. Muhammad b. Khalil al-Ansari al-Sa’di (w 893H)²⁷

¹⁹ Ibn ‘Imad al-Hambali (1998), *op. cit.*, j. 7, hlmn. 85.

²⁰ Al-Hafiz Ibn Hajar (1967), *op. cit.*, j.1, hlmn. 139.

²¹ Al-Hafiz Ibn Hajar (t.t), *op. cit.*, j. 3, hlmn. 397.

²² Sham al-Din Muhammad b. ‘Abd al-Rahman al-Sakhawi (t.t), *Al-Dau' al-Lami' li Ahl al-Qarn al-Tasi'*, j. 6, al-Qahirah : Dar al-Kitab al-Islami, hlmn. 85.

²³ Al-Hafiz Ibn Hajar (1967), *op. cit.*, j. 3, hlmn. 139.

²⁴ Al-Hafiz Ibn Hajar t.t), *op. cit.*, j. 1, hlmn. 125.

²⁵ *Ibid.*, j. 2, hlmn. 308.

²⁶ *Ibid.*, j. 1, hlmn. 261.

²⁷ Al-Sakhawi (t.t), *op. cit.*, j. 1, hlmn. 56.



2. Hasan b. Ahmad b. Makki b. Futuh Badr al-Din Abu Muhammad al-‘Alqami al-Shafe’i al-Misri (w 833H)²⁸
3. ‘Abd al-Rahim b. Ibrahim b. Muhammad al-Asyuti al-Makki al-Shafe’i (w 867H)²⁹.
4. ‘Umar b. Haji b. Musa al-Sa’di al-Dimashqi (w 830H)³⁰
5. ‘Umar b. ‘Isa b. Abi ‘Isa Siraj al-Din al-Shafe’i (w 861H)³¹
6. Muhammad b. Ahmad b. Muhammad b. Uthman al-Kinani al-‘Asqalani al-Misri (w 852H)³²
7. Muhammad b. Hasan Kamal al-Din al-Iskandari al-Maliki (w 821H)³³
8. Muhammad b. ‘Abd al-Daim b. Musa al-Nu’aymi al-‘Asqalani al-Misri al-Barmawi (w 831H)³⁴. Dan banyak lagi.

Kerjaya Dan Sumbangan Al-Hafiz Al-Zarkasyi

Seumpama ulama yang lain, al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi sebagai tokoh ilmuan telah diamanahkan untuk memimpin Mashikhah Khanaqah Karim al-Din di Qurafah al-Sughra, beliau mengajar dan juga memberikan fatwa di sana.³⁵

Tidak banyak jawatan yang ditugaskan kepada beliau dan tidak terdapat kitab-kitab yang menyingkap sejarah tersebut berdasarkan penelitian penulis. Ini berkemungkinan sifat al-Hafiz yang lebih gemar menulis dan menyelidik di dalam rumahnya³⁶. Berkata al-Hafiz Ibn Hajar: “Beliau [al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi] sama ada melazimi salah seorang guru-gurunya, atau melazimi biliknya, atau berada di dalam rumahnya dan duduk di dalam bilik yang berkunci. Beliau tidak keluar kecuali ke kedai-kedai buku.”³⁷ Ini disokong dengan sifat peribadinya yang zuhud dan cenderung kepada menyendiri. Beliau lebih dikenali selepas daripada kewafatannya. Sumbangan-sumbangan al-Hafiz lebih menonjol melalui penulisan dan hasil karya yang ditinggalkan kepada umat Islam.³⁸

Pujian Ulama Terhadap Al-Hafiz Al-Zarkasyi

Berkata Ibn Qadi Shahbah (w 851H) : “Al-‘Alim al-‘Allamah, pengarang dan penyusun...*Faqih, Usuli*, sasterawan, mempunyai kelebihan pada keseluruhannya, mengajar dan mengeluarkan fatwa...”³⁹

Berkata al-Dawudi (w 945H) : “Al-‘Alim al-‘Allamah, pengarang dan penyusun, seorang *faqih*, ahli *usul al-Fiqh*, pentafsir, sasterawan dan mempunyai kelebihan pada keseluruhannya...”⁴⁰

Berkata Ibn Tagharri Bardi (w 874H) : “Seorang *faqih* dan penulis”⁴¹

²⁸ *Ibid.*, j. 3, hlmn. 92.

²⁹ *Ibid.*, j. 4, hlmn. 166.

³⁰ Ibn Qadi Shahbah (1978), *Tabaqat al-Shafe’iyyah*, Tashih : Dr. ‘Abd al-‘Alim Khan, j.4, India : Matba’ah Da’irah al-Ma’arif al-Uthmaniyyah, hlmn. 122.

³¹ Dr. Zain al-‘Abidin b. Muhammad Furaj (1998), *op. cit.*, hlmn. 84.

³² Al-Sakhawi (t.t), *op. cit.*, j. 7, hlmn. 87.

³³ Dr. Zain al-‘Abidin b. Muhammad Furaj (1998), *op. cit.*, hlmn. 84.

³⁴ Al-Sakhawi (t.t), *op. cit.*, j. 8, hlmn. 281.

³⁵ Shams al-Din Muhammad al-Dawudi (2002), *op. cit.*, hlmn. 504.

³⁶ Al-Hafiz Ibn Hajar (t.t), *op. cit.*, j. 3, hlmn. 398.

³⁷ *Ibid.*

³⁸ Sila rujuk hasil karya al-Hafiz al-Zarkasyi dalam artikel ini.

³⁹ Ibn Qadi Shahbah (1978), *op. cit.*, j.3, hlmn. 228

⁴⁰ Shams al-Din Muhammad al-Dawudi (2002), *op. cit.*, hlmn. 408.

⁴¹ Abu al-Mahasin Yusuf b. Tagharri al-Atabaki (1971), *op. cit.*, j. 12, hlmn. 794

Berkata Ibn al-‘Imad al-Hanbali (w 1089H) : “ *Al-Imam al-‘Allamah*, pengarang dan penyusun... *Faqih, Usuli*, sasterawan, mempunyai kelebihan pada keseluruhannya, mengajar dan mengeluarkan fatwa...”⁴²

Kewafatan Al-Hafiz Al-Zarkasyi

Setelah menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi di dalam pelbagai disiplin ilmu Islam, dalam tempoh umur 49 tahun, al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi pun menghembuskan nafasnya yang terakhir pada hari Ahad 3 Rejab 794H dan dikebumikan di perkuburan al-Qurafah al-Sughra berdekatan dengan Turbah al-Amir Baktamar al-Saqi.⁴³

Karya-Karya Al-Hafiz Al-Zarkasyi

Ulama yang muncul selepasnya memuji dan mengangkat kedudukan beliau hasil daripada karya-karya yang dihasilkan. Penglibatan al-Hafiz al-Zarkasyi di dalam pelbagai bidang ilmu-ilmu Islam menampakkan lagi ketokohan ilmuan ini. Di antara karya-karya yang telah dihasilkan oleh al-Hafiz al-Zarkasyi:

1. Tafsir al-Qur’an, dan hanya sampai kepada Surah Maryam.⁴⁴
2. Al-Burhan fi ‘Ulum al-Qur’an.⁴⁵
3. Al-Ijabah Li Irad Ma Astadrakathu ‘Aishah ‘ala al-Sahabah.⁴⁶
4. Takhrij Ahadith al-Rafi’i⁴⁷
5. al-Dhahab al-Ibriz fi Takhrij Ahadith al-Rafi’i al-Musamma Fath al-‘Aziz.⁴⁸
6. Sharh al-Arba’in al-Nawawiyah.⁴⁹
7. Sharh ‘Umdah al-Ahkam li ‘Abd al-Ghani al-Maqdisi.⁵⁰
8. Al-Nukat ‘ala Ibn al-Salah.⁵¹
9. I’lam al-Sajid bi Ahkam al-Masajid.⁵²
10. Takmilah Sharh al-Minhaj li al-Isnawi.⁵³
11. Al-Dibaj fi Sharh al-Minhaj.⁵⁴
12. Al-Bahr al-Muhit.⁵⁵
13. Salasil al-Dhahab.⁵⁶
14. Luqtah al-‘Ajlan.⁵⁷
15. al-Tadhkirah al-Nahwiyyah.⁵⁸ Dan banyak lagi.

⁴² Ibn ‘Imad al-Hambali (1998), *op. cit.*, j. 7, hlmn. 85.

⁴³ Shams al-Din Muhammad al-Dawudi (2002), *op. cit.*, hlmn. 408.

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ Khair al-Din al- Zirikli (1997), *op. cit.*, J. 6, hlmn. 60.

⁴⁷ Mustafa b. ‘Abd Haji Khalifah (1967), *Kashf al-Zunun ‘an Usama al-Kutub wa al-Funun*, c.2, j. 2, Tahran : al-Maktabah al-Islamiyyah, hlmn. 2003.

⁴⁸ Al-Hafiz Ibn Hajar (t.t), *op. cit.*, j. 3, hlmn. 397.

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ Shams al-Din Muhammad al-Dawudi (2002), *op. cit.*, hlmn. 408.

⁵² Al-Hafiz Ibn Hajar (1967), *op. cit.*, j. 3, hlmn. 140.

⁵³ Al-Hafiz Ibn Hajar (t.t), *op. cit.*, j. 3, hlmn. 397.

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ Shams al-Din Muhammad al-Dawudi (2002), *op. cit.*, hlmn. 408.

⁵⁷ Haji Khalifah (1967), *op. cit.*, j.2, hlmn. 1559.

⁵⁸ Al-Hafiz Ibn Hajar (1967), *op. cit.*, j. 3, hlmn. 140.

3.0 KITAB AL-NUKAT 'ALA MUQADDIMAH IBN AL-SALAH

Pengenalan

Kitab ulasan *al-Nukat 'ala Muqaddimah Ibn al-Salah* adalah kitab yang dihasilkan dengan menekankan segala aspek perbincangan kitab yang asal [*Muqaddimah Ibn al-Salah*]. Huraian dan ulasan yang diberikan berdasarkan topik-topik perbincangan kitab *Muqaddimah Ibn al-Salah*, sama ada dari sudut penggunaan istilah, bahasa, kaedah tatabahasa arab, *usul al-Fiqh* dan sebagainya. Inilah bentuk sesebuah kitab yang dikategorikan di dalam jenis *al-Nukat* yang

penulis ungkapkan di dalam bahasa yang mudah "*Ulasan*". Berkata al-Jurjani: "*Al-Nuktah*⁵⁹ :Ialah suatu masalah yang halus dan rumit, dikeluarkan hasil daripada ketelitian kajian dan pemikiran yang mendalam. Ia berasal daripada perkataan (نكت رمحه بالأرض) bermaksud; Telah tertusuk tombaknya di bumi iaitu jika ia meninggalkan kesan pada tanah tersebut. Dinamakan masalah yang diteliti dengan mendalam sebagai *al-Nuktah* disebabkan amat terkesan pemikiran seseorang dalam menyelesaikan dan mengeluarkan perbincangan melaluinya⁶⁰."

Al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi mempamerkan keilmuan dan ketokohan beliau di dalam ilmu hadis ketika menghurai dan mengulas setiap perbincangan kitab *Muqaddimah Ibn al-Salah*.

Nama Dan Tajuk Kitab

Al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi tidak meletakkan sebarang tajuk khusus untuk kitabnya ini. Ulama yang datang selepasnya menamakan karya al-Hafiz dengan nama-nama yang menggambarkan isi kandungan dan metodenya. Nama-nama ini tidak banyak perbezaan antara satu dengan yang lain. Dr. Zain al-'Abidin b. Muhammad Bila Furaj, pentahqiq kitab *al-Nukat 'ala Muqaddimah Ibn al-Salah* oleh al-Hafiz al-Zarkasyi menyatakan bahawa beliau telah mendapatkan 3 buah manuskrip kitab *al-Nukat* ini. Naskhah manuskrip yang pertama daripada Turki tertulis *Kitab fih Ta'liq 'ala 'Ulum al-Hadith* manakala naskhah yang kedua dan ketiga masing-masing daripada Dimashq dan Madinah Munawwarah dijudulkan dengan *Kitab al-Nukat 'ala Ibn al-Salah*.⁶¹

Nama *al-Nukat* ini juga digunakan dan dinisbahkan kepada kitab al-Hafiz al-Zarkasyi oleh al-Hafiz al-Suyuti di dalam kitabnya *al-Laali' al-Masnu'ah fi al-Ahadith al-Maudu'ah* dan kitab *Husn al-Muhadarah fi Tarikh Misr wa al-Qahirah*⁶² begitu juga Shams al-Din Muhammad al-Dawudi dalam kitab *Tabaqat al-Mufassirin*⁶³. Al-Hafiz Ibn Hajar menamakannya dengan *al-Kalam 'ala 'Ulum al-Hadith* di dalam kitabnya *Inba' al-Ghamr bi Abna' al-'Umr*.⁶⁴ Di dalam kitabnya *Al-Durar al-Kaminah fi A'yan al-Miah al-Thaminah*⁶⁵ dengan nama *Sharh 'Ulum al-Hadith*.

Jika dilihat kepada metode yang digunakan oleh al-Hafiz al-Zarkasyi ia lebih hampir dan sesuai dikategorikan di dalam *al-Nukat* berdasarkan pentakrifan yang diberikan oleh al-Jurjani dan sepertimana yang telah diputuskan oleh pentahqiq kitab Dr. Zain al-'Abidin b. Muhammad

⁵⁹ *Al-Nuktah* adalah perkataan *mufrad* [satu dan tidak banyak] dan *jama'* [banyak] bagi perkataan ini ialah *al-Nukat*. Lihat : Ibrahim Mustafa et. al. (1989), *al-Mu'jam al-Wasit*, c. 2, j. 2, Istanbul : Dar al-Da'wah, hlmn. 951.

⁶⁰ Abu al-Hasan al-Jurjani (1996), *al-Ta'rifat*, tahqiq : Dr. 'Abd al-Rahman 'Umayrah, c.1, Beirut : 'Alam al-Kutub, hlmn. 302.

⁶¹ Lihat : Dr. Zain al-'Abidin b. Muhammad Furaj (1998), *op. cit.*, hlmn. 263.

⁶² Jalal al-Din 'Abd al-Rahman b. Abi Bakr al-Hafiz al-Suyuti (1967), *Husn al-Muhadarah fi Tarikh Misr wa al-Qahirah*, j.1, Kaherah : Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, hlmn. 437.

⁶³ Shams al-Din Muhammad al-Dawudi (2002), *op. cit.*, hlmn. 408.

⁶⁴ Al-Hafiz Ibn Hajar (1967), *op. cit.*, j. 3, hlmn. 141.

⁶⁵ Al-Hafiz Ibn Hajar (t.t), *op. cit.*, j. 3, hlmn. 397.

Furajj⁶⁶. Begitu juga di dalam mukadimah kitab *al-Nukat 'ala Muqaddimah Ibn al-Salah*, al-Hafiz al-Zarkasyi menyatakan bahawa gurunya al-Hafiz 'Ala' al-Din Mughlatay ada menghasilkan *al-Tankit* terhadap kitab *Muqaddimah Ibn al-Salah* dan beliau [al-Hafiz al-Zarkasyi] cuba untuk menyempurnakan tulisan gurunya dan menghuraikan permasalahan yang tidak disentuh oleh gurunya itu.⁶⁷ Perkara ini menjelaskan lagi hasil karya al-Hafiz al-Zarkasyi adalah berasaskan kepada *al-Nukat* dan bertepatan dengan nama yang diberikan oleh ulama dan pentahqiq kitab.

Sebab Penulisan Kitab *Al-Nukat 'Ala Muqaddimah Ibn Al-Salah*

Al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi menyatakan sejarah dan faktor-faktor yang mendorong beliau menghasilkan kitabnya ini. Beliau berkata "...guruku al-Sheikh al-'Allamah Mughlatay telah memberitahuku bahawa sebahagian penuntut ilmu daripada "*Magharibah*" selalu datang kepadanya dan mereka menyatakan bahawa al-Sheikh Shams al-Din Ibn al-Labban telah menghasilkan karya [berkaitan kitab *Muqaddimah Ibn al-Salah*] yang dinamakan *Islah Kitab Ibn al-Salah*, [al-Sheikh Mughlatay] mencarinya untuk mendapatkannya tetapi tidak menjumpainya. Kemudian al-Sheikh 'Ala' al-Din [Mughlatay] mula menghasilkan *al-Tankit* [ulasan dan huraian] terhadap kitab *Muqaddimah Ibn al-Salah* serta dinamakan dengan dengan nama yang disebutkan [*Islah Kitab Ibn al-Salah*]. Tetapi [kitab ini] kurang sempurna dan hanya sedikit sahaja masalah yang diperbincangkan. Aku beristikhrah kepada Allah s.w.t untuk mengulas dan memanjangkan perbincangannya, sedaya upaya mengumpulkan perbincangan-perbincangan dengan baik, mudah dan menarik minat untuk dibaca dan didengari. Diharapkan kitab ini menjadi pembuka kepada masalah-masalah yang masih tertutup dan terlindung, pengulas serta mensyarahkan perkara yang samar dan umum. Di dalam kitab ini terkandung beberapa jenis [tumpuan dan ulasan]...Harapanku daripada kitab ini, agar ia mudah untuk dirujuk ketika aku menjalankan kajian dan pembelajaran serta sebagai rujukan khas untukku."⁶⁸

Kata-kata al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi ini dapat disimpulkan, antara tujuan dan sebab kitab ini dihasilkan adalah:

- i. Sebagai satu sumbangan untuk menyempurnakan lagi penulisan gurunya al-Hafiz Mughlatay terhadap kitab *Muqaddimah Ibn al-Salah*.
- ii. Menghasilkan karya yang mengumpulkan segala perbincangan yang berkaitan topik yang dikemukakan al-Hafiz Ibn al-Salah dan dipersembahkan dalam bentuk yang lebih menarik.
- iii. Mengulas dengan lebih terperinci kitab *Muqaddimah Ibn al-Salah*.
- iv. Menjadi rujukan dan panduan al-Hafiz al-Zarkasyi sendiri ketika proses pembelajaran beliau.

Isi Kandungan *Al-Nukat 'Ala Muqaddimah Ibn Al-Salah*

Al-Nukat 'ala Muqaddimah Ibn al-Salah ialah kitab yang mengulas, menghurai, menjelaskan istilah dan bahasa serta memanjangkan perbincangan masalah di dalam kitab *Muqaddimah Ibn al-Salah*. Isi kandungan kitab berdasarkan isi kandungan kitab asalnya [*Muqaddimah Ibn al-Salah*]. Kitab ini dimulakan dengan mukadimah yang mengandungi perbincangan berkenaan perkembangan ilmu *Mustalah al-Hadith* secara ringkas. Seterusnya masuk kepada ulasan isi asal kitab *Muqaddimah Ibn al-Salah*. Dimulai dengan mukadimah kitab *Muqaddimah Ibn al-Salah*, kemudian kepada jenis-jenis pecahan di dalam kitab asal.

⁶⁶ Dr. Zain al-'Abidin b. Muhammad Furajj (1998), *op. cit.*, hlmn. 264.

⁶⁷ Al-Zarkasyi (1998), *al-Nukat 'ala Muqaddimah Ibn al-Salah*, pentahqiq : Dr. Zain al-'Abidin b. Muhammad, c. 1, j. 1, al-Riyad : Maktabah Adwa' al-Salaf, hlmn. 10.

⁶⁸ *Ibid.*, hlmn. 11.

Ulasan terhadap kitab ini terhenti [berdasarkan naskah yang telah ditahqiq] pada jenis yang ke Dua Puluh Lapan iaitu Mengenal Adab-adab Penuntut hadis.⁶⁹

Kitab ini tidak diakhiri dengan penutup pengarang kitab asal. Hanya diakhiri dengan penutup oleh penyalin kitab ini yang menyatakan : “... BerakHIRlah apa yang didapati daripada ulasan yang bernilai ini oleh pengarangnya Sheikh al-Islam Badr al-Din al-Zarkasyi. Semoga dilindungi Allah s.w.t dengan rahmatNya dan ditempatkan di dalam syurgaNya...”⁷⁰

Metodologi Penyusunan Dan Penulisan Al-Nukat ‘Ala Muqaddimah Ibn Al-Salah

Kitab al-Nukat ‘ala Muqaddimah Ibn al-Salah disusun kepada mukadimah dan ulasan terhadap kitab *Muqaddimah Ibn al-Salah*. Permulaan kitab ini diterangkan tentang sejarah ringkas karya-karya yang membahaskan ilmu *‘Ulum al-Hadith* sehinggalah munculnya kitab *Muqaddimah Ibn al-Salah*. Al-Hafiz al-Zarkasyi turut menerangkan perkara-perkara yang menjadi tumpuan utama kitab ini. Penjelasan ini telah menggambarkan metodologi penulisan kitabnya. Secara umumnya metodologi penyusunan dan penulisan yang digunakan oleh al-Hafiz al-Zarkasyi di dalam kitab *al-Nukat ‘ala Muqaddimah Ibn al-Salah* boleh disimpulkan kepada yang berikut :

- i. Ulasan [*al-Nukat*] disusun mengikut susunan kitab yang asal. Dipecahkan kepada potongan-potongan ayat yang lebih pendek bagi memudahkan ulasan, huraian, kritikan dan melebarkan perbincangan. Contohnya: *علمك الله وإياي اعلم ، قوله : اعلم ، علمك الله وإياي*⁷¹ kemudiannya dibawakan ulasan daripada potongan ayat ini. Setelah selesai segala huraian, ulasan dan sebagainya, didatangkan pula potongan ayat seterusnya. *قوله : إن الحديث عند أهله ينقسم إلى*⁷²
...
- ii. Al-Hafiz al-Zarkasyi membahagikan topik-topik perbincangan kepada beberapa bahagian dengan menggunakan nombor. Ia memudahkan proses pemahaman sesuatu perbincangan. Contohnya: Katanya [al-Hafiz Ibn al-Salah]: *Kitab al-Bukhari* adalah yang paling sahih di antara dua kitab yang sahih [*Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*]. Di dalamnya [topik ini] ada beberapa perbincangan dan ulasan. Pertama:... Kedua:... Ketiga:...⁷³
- iii. Topik yang tidak disentuh oleh al-Hafiz Ibn al-Salah, dan dikemukakan oleh al-Hafiz al-Zarkasyi akan dimulakan dengan perkataan (فائدة)⁷⁴ atau kadang-kadang dengan perkataan (تنبيه)⁷⁵
- iv. Al-Hafiz al-Zarkasyi menggunakan perkataan (انتهى) yang bermaksud telah selesai, bagi menandakan habisnya kata-kata ulama yang dinukilkan. Contohnya : *انتهى كلام ابن حزم :* Telah habis kata-kata Ibn Hazm.⁷⁶ *انتهى ((...)) :* Kata Ibn Dihyah : ((...)) selesai.⁷⁷
- v. Selalunya al-Hafiz al-Zarkasyi memulakan ulasan ataupun kritikan dengan perkataan (قلت)⁷⁸

⁶⁹ *Ibid.*, j. 3, hlmn. 661.

⁷⁰ *Ibid.*

⁷¹ *Ibid.*, j.1, hlmn. 88.

⁷² *Ibid.*, hlmn. 91.

⁷³ *Ibid.*, hlmn. 165.

⁷⁴ *Ibid.*, hlmn. 190 & 316.

⁷⁵ *Ibid.*, j.1, hlmn. 101 & j. 2, hlmn. 113.

⁷⁶ *Ibid.*, j.1, hlmn. 293

⁷⁷ *Ibid.*, hlmn. 310.

⁷⁸ *Ibid.*, hlmn. 128.

Al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi juga menyatakan tentang tumpuan yang diutamakan di dalam kitabnya ini. Perkara yang menjadi tumpuan penulisan kitabnya ini juga mempengaruhi metodologi yang beliau gunakan.

Kata al-Hafiz "...Kita ini mengandung beberapa jenis [tumpuan], iaitu:

- a. Keterangan tentang nama-nama, nasab atau perkataan bahasa Arab yang agak sukar difahami dan disebutkan.
- b. Memberi kefahaman terhadap masalah-masalah yang sukar.
- c. Keterangan berkaitan tentang perkara-perkara yang terkeluar atau tidak termasuk di dalam sesuatu takrif, syarat dan prinsip yang dikemukakan.
- d. Kenyataan yang didatangkan sebagai menyempurnakan sesuatu perbincangan. Ia adalah penting tetapi tidak diperbincang oleh pengarang [al-Hafiz Ibn al-Salah].
- e. Memberi peringatan serta pembedaan kesalahan yang dilakukan ketika menukikan perkataan seseorang.
- f. Mendatangkan kritikan-kritikan serta soal jawab berkenaan topik yang dibincangkan.
- g. Kenyataan berkenaan sesuatu yang lebih benar daripada apa yang dikemukakan secara umum [oleh al-Hafiz Ibn al-Salah].
- h. Perkara-perkara lain yang lebih utama diperbincangkan daripada aspek yang telah disebut dan dihalusi [oleh al-Hafiz Ibn al-Salah].

Hasil daripada jenis-jenis tumpuan yang diutamakan di dalam kitab ini, boleh dikupas beberapa metode lain yang digunakan oleh al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi berdasarkan contoh-contoh yang telah diselidiki. Kelapan-lapan tumpuan utama kitab ini telah disentuh oleh al-Hafiz al-Zarkasyi dan beliau tidak hanya menyenaraikannya tanpa dilaksanakan.⁷⁹Di antara metodologi [sambungan daripada yang terdahulu] yang turut beliau gunakan berdasarkan kepada tumpuan ini :

- i. Al-Hafiz al-Zarkasyi mengulas secara terperinci setiap perkataan yang sukar difahami atau disebut. Contohnya: . " **أَمَعْتَ النَّظَرَ فِي ذَلِكَ** " . Maksudnya : Aku bersungguh melihat pada masalah tersebut.
Berkata al-Hafiz al-Zarkasyi : Perkataan yang biasa digunakan di dalam bahasa Arab ialah (**أَمَعْتَ**) Dengan didahulukan huruf al-Nun, bermaksud bersungguh-sungguh dalam melaksanakan sesuatu... Manakala perkataan (**أَمَعْتَ**) , berkata Ibn al-Anbari di dalam kitab *al-Zahir* : Dikatakan (**أَمَعْنِي لِي بَحَقِّي**) bermaksud mengiktiraf dan mengemukakan hakku...⁸⁰
- ii. Setiap nama-nama ulama disertakan dengan nasab atau keturunannya., manakala nama-nama yang agak sukar disebut akan diperjelaskan kaedah sebutannya. Contohnya: Katanya [al-Hafiz Ibn al-Salah] : Seperti *Musnad Abi Dawud al-Tayalisi*.
[Al-Hafiz al-Zarkasyi]: Beliau ialah Sulaiman b. Dawud⁸¹.
Katanya lagi [al-Hafiz Ibn al-Salah] : Dan *Musnad 'Abd b, Humaid*.
[Al-Hafiz al-Zarkasyi]: Beliau ialah al-Kashshi.⁸²

⁷⁹ Perincian berkenaan tumpuan-tumpuan ini boleh dilihat secara ringkas di dalam kitab karangan Dr. Zain al-'Abidin b. Muhammad Furaij (1998), *al-Zarkasyi wa Kitabuhu al-Nukat 'Ala Muqaddimah Ibn al-Salah*, c.1, al-Riyad : Maktabah Adwa' al-Salaf, hlmn. 136 – 147.

⁸⁰ *Ibid.*, j.1, hlmn. 312.

⁸¹ *Ibid.*, j.1, hlmn. 348.

⁸² *Ibid.*, hlmn. 349.

- Begitu juga ketika menjelaskan kaedah sebutan اسحق بن راهويه⁸³
- iii. Al-Hafiz al-Zarkasyi akan menyatakan perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam sesuatu takrif atau syarat yang dikemukakan. Perkara ini dapat memudahkan lagi kefahaman terhadap takrifan dan topik yang dibincangkan. Contohnya: Takrif *al-Hadith al-Sahih*: Iaitu bersambung sanadnya...
- Berkata al-Hafiz al-Zarkasyi : Terkeluar daripada syarat ini semua yang tidak bersambung sanadnya seperti *al-Munqati*⁸⁴, *al-Mursal*⁸⁵ ...⁸⁶
- iv. Setiap nukilan daripada ulama, al-Hafiz al-Zarkasyi akan menyatakan nama mereka berserta dengan kitabnya. Contohnya :
Berkata al-Sheikh Taqi al-Din di dalam kitab *al-Iqtirah*: ...⁸⁷
Berkata Abu al-Hasan b. Hisar al-Andalusi di dalam *Taqrib al-Madarik ‘ala Muwatta’ Malik*...⁸⁸
- v. Hadis-hadis didatangkan sama ada dengan sebahagian sanadnya atau tanpa sanad. Contoh dengan sebahagian sanad : Hadis Musa b. ‘Uqbah daripada ‘Abd Allah b. Dinar daripada Ibn ‘Umar r.a. : Bahawasanya Rasulullah s.a.w berdoa : *Ya Allah Aku berlingung dengan Mu daripada hilangnya segala nikmat yang Engkau berikan...*⁸⁹
Contoh tanpa sanad : “... seperti hadis : *Musafir itu sebahagian daripada kesusahan...*”⁹⁰

Secara keseluruhannya, al-Hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi telah menyempurnakan karyanya ini dengan tumpuan yang telah dinyatakan. Metodologi yang digunakan menyebabkan kitab ini menjadi antara rujukan utama ulama selepasnya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Metodologi *al-Nukat* ini telah berjaya menghuraikan segala persoalan dan permasalahan yang timbul berkaitan kaedah-kaedah ilmu hadis yang dikumpul dan diperbahaskan oleh al-Hafiz Ibn al-Salah.

Pujian Dan Sumbangan Ulama Terhadap Kitab Al-Nukat ‘Ala Muqaddimah Ibn Al-Salah.
Penulis tidak menjumpai kata-kata ulama terdahulu berkaitan dengan kitab al-Hafiz al-Zarkasyi ini. Kebanyakan ulama yang menjelaskan latarbelakang kehidupan beliau hanya menyebut nama kitab yang dihasilkan iaitu ulasan terhadap kitab *Muqaddimah Ibn al-Salah*.

Ulama yang datang selepasnya ada yang menukilkan pendapat-pendapat beliau di dalam kitab ini. Mereka seperti al-Hafiz al-Shakhawi di dalam kitab *Fath al-Mughith*, al-Hafiz al-Suyuti di dalam kitab *al-Bahr al-ladhi Zakhar fi Sharh Alfyyah al-Athar*, kitab *Tadrib al-Rawi*, kitab *al-Lalali’ al-Masnu’ah fi al-Ahadith al-Maudu’ah*, al-San’ani di dalam kitab *Taudih al-Afkar*, al-Sayyid ‘Ali b. Sulayman al-Dimnati al-Maliki di dalam kitab *Naf’u Qut al-Mughtadhi ‘ala Jami’ al-Tirmidhi*, Muhammad Mahfuz al-Turmusi di dalam kitab *Manhaj Dhawi al-Nazar Sharh Manzumah ‘Ilm al-Athar*, al-Hafiz al-Munawi di dalam *al-Yawaqit wa al-Durar Sharh*

⁸³ *Ibid.*, hlmn. 129.

⁸⁴ *Al-Munqati* ialah hadis terputus sanadnya dalam apa keadaan sekalipun. Lihat : Dr. Mahmud al-Tohhan (1996), *op.cit.*, hlmn 77.

⁸⁵ *Al-Mursal* ialah hadis yang diriwayatkan oleh Tabiin terus kepada Rasulullah s.a.w. Lihat : Dr. Mahmud al-Tohhan (1996), *op.cit.*, hlmn 71.

⁸⁶ Al-Zarkasyi (1998), *op. cit.*, j. 1, hlmn. 97. Lihat juga takrif hadis-hadis yang lain seperti di hlmn. 304 & 307.

⁸⁷ *Ibid.*, hlmn. 103.

⁸⁸ *Ibid.*, hlmn. 106.

⁸⁹ *Ibid.*, hlmn. 202.

⁹⁰ *Ibid.*, hlmn. 308.

Nukhbah al-Fikr dan sebagainya.⁹¹ Manakala sumbangan secara langsung, adalah kajian yang dilaksanakan oleh Dr. Zain al-'Abidin b. Muhammad Furajj untuk tesis Ph.Dnya di Universiti Islam al-Madinah al-Munawwarah pada tahun 1997.

4.0 PENUTUP

Al-Hafiz al-Zarkasyi merupakan seorang ulama yang mahir dalam bidang *Ulum al-Hadith*, walaupun beliau masyhur di dalam ilmu fiqh dan *Usul al-Fiqh*. Kajian berkaitan dengan karyanya dalam bidang Ulum al-Hadith telah memperlihatkan ketokohnya dalam ilmu ini, beliau membawa pelbagai pandangan ahli usul dalam perbincangannya berkaitan ilmu *Mustalah al-Hadith* dan berjaya memperincikan setiap huraian. Sumber-sumber yang diambil oleh al-Hafiz al-Zarkasyi juga dari jenis yang pelbagai yang menatijahkan kupasan serta huraian mendalam berkaitan sesuatu topik. Adalah diharapkan karya yang dihasilkan oleh al-Hafiz al-Zarkasyi ini tidak dipinggirkan oleh para pengkaji ilmu *Mustalah al-Hadith*.

RUJUKAN

- Al-Atabaki, Abu al-Mahasin Yusuf b. Tagharri (1971), *al-Nujum al-Zahirah fi Muluk Misr wa al-Qahirah*, tahqiq : Dr. Muhammad Mustafa Ziyadi, c. 1, j. 12, Khurtum : al-Haia'h al-Misriyyah al-'Ammah
- Al-Dawudi, Shams al-Din Muhammad b. 'Ali (2002), *Tabaqat al-Mufassirin* , c. 1, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Ibn Hajar, Shihab al-Din Abu al-Fadl Ahmad b. 'Ali (1967), *Inba' al-Ghamr bi Abna' al-'Umr*, pentahqiq : Muhammad 'Abd al-Mu'id Khabah, c.1, j.3, India : Haydar Abadi al-Dukan
- Ibn Hajar, Shihab al-Din Abu al-Fadl Ahmad b. 'Ali (t.t), *Al-Durar al-Kaminah fi A'yan al-Miah al-Thaminah*, j.3, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi
- Haji Khalifah, Mustafa b. 'Abd (1967), *Kashf al-Zunun 'an Usama al-Kutub wa al-Funun*, c.2, j. 2, Tahran : al-Maktabah al-Islamiyyah
- Ibrahim Mustafa et. al. (1989), *al-Mu'jam al-Wasit*, c. 2, j. 2, Istanbul : Dar al-Da'wah
- Ibn 'Imad al-Hambali, Abu al-Falah 'Abd al-Hayy (1998), *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, pentahqiq : Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata', j.7, c. 1, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Jurjani, Abu al-Hasan (1996), *al-Ta'rifat*, tahqiq : Dr. 'Abd al-Rahman 'Umayrah, c.1, Beirut : 'Alam al-Kutub
- Ibn Kathir, 'Isma'il b. Kathir Abu al-Fida' (2001), *al-Bidayah wa al-Nihayah*, pentahqiq: 'Abd al-Rahman dan Muhammad Ghazi Baidun, j. 14, c. 6, Beirut : Dar al-Ma'rifah
- Ibn Qadi Shahbah, Abu Bakr b. Muhammad (1978), *Tabaqat al-Shafe'iyah*, Tashih : Dr. 'Abd al-'Alim Khan, j.3, India : Matba'ah Da'irah al-Ma'arif al-Uthmaniyyah

⁹¹ Dr. Zain al-'Abidin b. Muhammad Furajj (1998), *op.cit.*, hlmn. 162 – 169.



Nor, Z. M. (2016). Metodologi Al-Hafiz Ibn Al-Salah Dalam Permasalahan Pentashihan Hadis Dan Fenomena Pentashihan Pada Masa Kini. *Journal Of Hadith Studies*, 1(1).

Nor, Z. M. (2007). Perbandingan ulasan antara al-hafiz Ibn Hajar al-Asqalani dan al-hafiz Badr al-Din al-Zarkasyi terhadap bab al-Sahih dalam kitab Muqaddimah Ibn al-Salah (Doctoral dissertation, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Al-Sakhawi, Sham al-Din Muhammad b. 'Abd al-Rahman (t.t), *Al-Dau' al-Lami' li Ahl al-Qarn al-Tasi'*, j. 6, al-Qahirah : Dar al-Kitab al-Islami

Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman b. Abi Bakr al-Hafiz (1967), *Husn al-Muhadarah fi Tarikh Misr wa al-Qahirah*, j.1, Kaherah : Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah

Dr. Zain al-'Abidin b. Muhammad Furaj (1998), *al-Zarkasyi wa Kitabuhu al-Nukat 'Ala Muqaddimah Ibn al-Salah*, c.1, al-Riyad : Maktabah Adwa' al-Salaf

al-Zarkasyi, Abu 'Abd Allah Muhammad b. 'Abd Allah b. Bahadar al-Misri (1970), *al-Ijabah Li Irad ma Istadrakathu 'Aishah 'ala al-Sahabah*, pentahqiq: Sa'id al-Afghani, c.2, al-Maktab al-Islami

Al-Zarkasyi, Abu 'Abd Allah Muhammad b. 'Abd Allah b. Bahadar al-Misri (1998), *al-Nukat 'ala Muqaddimah Ibn al-Salah*, pentahqiq : Dr. Zain al-'Abidin b. Muhammad, c. 1, j. 1, al-Riyad : Maktabah Adwa' al-Salaf

Al-Zirikli, Khair al-Din (1997), *al-A'lam Qamus Tarajum*, j.6, c. 12, Beirut : Dar 'Ilm li al-Malayin

Al-Zubaydi, Muhammad Murtada (1977), *Taj al-'Urus min Jawahir al-Qamus*, tahqiq : Ibrahim al-Tarazi, j.17, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi

Zulhilmi Mohamed Nor, (2007), *Perbandingan Ulasan Antara Al-Hafiz Ibn Hajar Al-Asqalani Dan Al-Hafiz Badr Al-Din Al-Zarkasyi Terhadap Bab Al-Sahih Dalam Kitab Muqaddimah Ibn Al-Salah*, tesis Master Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Zulhilmi Mohamed Nor, (2016), *Metodologi Al-Hafiz Ibn Al-Salah Dalam Permasalahan Pentashihan Hadis Dan Fenomena Pentashihan Pada Masa Kini*, *Journal of Hadith Studies*, (December 2016), Nilai: Ulum al-Hadith Research Centre.